

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 12 Julai 2021 13:03
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Terima Tajaan Biasiswa Yayasan Khazanah



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

12 JULAI 2021 / 2 ZULHIJAH 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

UUM TERIMA TAJAAN BIASISWA YAYASAN KHAZANAH



UUM ONLINE: Yayasan Khazanah telah bersetuju untuk menawarkan biasiswa kepada pelajar dari UUM COB dan UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia (UUM) melalui Program Biasiswa Khazanah Watan.

Mengulas berkenaan berita baik ini, Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani mengucapkan syukur kerana UUM berjaya meyakinkan Yayasan Khazanah untuk membolehkan pelajar universiti ini menerima penajaan biasiswa tersebut.

Menurutnya, penajaan biasiswa di bawah Program Biasiswa Khazanah Watan itu membuktikan program pengajian di UUM adalah setanding dengan universiti terkemuka lain.

Katanya, tidak semua universiti yang layak untuk menerima biasiswa tersebut daripada Yayasan Khazanah dan ini adalah julung kalinya Khazanah memberi pengiktirafan sebegini kepada UUM menerusi program berkenaan.

“Ini adalah satu pengiktirafan kepada kita dan secara tidak langsung biasiswa yang akan diterima ini akan membantu pelajar yang berkelayakan, sekali gus menaikkan semangat mereka untuk belajar dengan lebih baik demi UUM.

“Tahniah juga saya ucapkan kerana program pengajian di enam pusat pengajian di UUM COB dan lima lagi UUM COLGIS telah dipilih untuk menerima tajaan biasiswa ini,” katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.